

Headline	Keputusan terletak di tangan MB Perlis		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 May 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Sukan	Color	Black/white
Page No	61	ArticleSize	152 cm ²
AdValue	RM 1,362	PR Value	RM 4,086



Keputusan terletak di tangan MB Perlis

KEPUTUSAN sama ada Kompleks Renang di Kompleks Sukan Negeri (KSN) di sini boleh diguna atau tidak untuk Sukan Malaysia (Sukma) ke-17 terletak kepada Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Setiasaha Kehormat Persatuan Renang Amatir Malaysia (Asum) Edwin Chong berkata, ini kerana kompleks itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Kita sudah melihat keadaan Kompleks Renang ini. Asum tidak boleh membuat keputusan akhir sama ada ia dapat digunakan esok (hari pertama acara akuatik).

"Keputusan sama ada kompleks ini boleh digunakan bergantung ke-

pada mesyuarat antara Menteri Besar dengan pihak kontraktor yang saya difahamkan berlangsung hari ini (semalam). Kita kena tunggu keputusan itu," katanya.

Menurutnya berdasarkan pemeriksaan Asum di Kompleks Renang itu, tiga perkara utama menimbulkan kebimbangan iaitu pengaliran air di kedua-dua kolam, getah pelapik anti gelincir di platform terjun dan aspek pencahayaan.

Sementara itu tinjauan mendapati kerja-kerja pemasangan bumbung masih dijalankan dan air kolam pula keruh.

Mengenai pertandingan yang dijadualkan, Chong berkata, acara akan

“ Kita sudah melihat keadaan Kompleks Renang ini. Asum tidak boleh membuat keputusan akhir sama ada ia dapat digunakan esok (hari pertama acara akuatik).”
- Edwin Chong

berlangsung seperti yang dijadualkan setelah mendapat kata putus daripada kerajaan negeri.

Pada masa ini kebanyakan atlet sedang menjalani latihan di Pusat Akuatik Gunung Kriang, Alor Setar dan di Universiti Utara Malaysia, Sintok, di Kedah.